



SIARAN MEDIA

LTAT Umum Dividen 5.35%, Jumlah Agihan Sebanyak RM524.74 Juta

Memperkuh Keselamatan Kewangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") Seiring Pelaksanaan Pelan Transformasi Strategik GEMPUR30 LTAT

KUALA LUMPUR, 12 MAC 2026 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") hari ini mengumumkan kadar dividen sebanyak 5.35%, agihan keseluruhan berjumlah RM524.74 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Pengumuman ini merupakan jumlah agihan dividen tertinggi dalam tempoh lapan tahun, sekali gus mengukuhkan komitmen berterusan LTAT dalam memastikan kesejahteraan kewangan jangka panjang warga ATM terus terpelihara.

Tinjauan Prestasi Kewangan

<i>Tahun</i>	<i>Kadar Dividen (%)</i>	<i>Jumlah Agihan Dividen (RM Mn)</i>	<i>Aset di Bawah Pengurusan (RM Bn)</i>	<i>Jumlah Pendapatan Pelaburan (RM mn)</i>	<i>Pendapatan Boleh Agih (RM mn)</i>	<i>Rizab (RM Mn)</i>
2018	2.00	161.18	8.46	468.19	266.46	45.20
2019	2.50	220.88	8.87	181.10	78.66	75.59
2020	3.50	310.69	8.41	472.40	272.90	(182.38)
2021	4.10	379.42	7.99	423.02	311.41	4.58
2022	5.00	476.45	9.08	699.45	495.93	160.62
2023	5.00	485.08	13.19	695.85	462.71	387.67
2024	5.25	514.20	13.66	756.89	603.88	1,011.99
2025	5.35	524.74*	13.36	749.49	541.56	1,305.21

*Jumlah agihan dividen tertinggi dalam tempoh lapan tahun sejak 2018

Bagi tahun kewangan yang dilaporkan, LTAT mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh dengan Jumlah Pendapatan Pelaburan sebanyak RM749.49 juta bagi FY2025. Keuntungan Boleh Agih pula direkodkan sebanyak RM541.56 juta, manakala Rizab meningkat sebanyak 29.1% tahun ke tahun kepada RM1.31 bilion, berbanding RM1.01 bilion pada FY2024. Prestasi yang memberangsangkan ini mencerminkan usaha berterusan LTAT dalam memperkuh kedudukan kewangannya serta meningkatkan daya tahan institusi dalam mengurus simpanan para pencarum secara berhemat dan bertanggungjawab.

Pengisytiharan dividen ini juga menandakan tahun keempat berturut-turut LTAT mencatatkan pulangan dividen sebanyak 5% atau lebih, sekali gus menyerlahkan pendekatan pelaburan yang berdisiplin serta usaha berterusan dana dalam mengoptimumkan portfolio pelaburannya dalam persekitaran ekonomi yang dinamik.

Mengulas mengenai prestasi tersebut, En. Mohammad Ashraf Md. Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, menegaskan bahawa pencapaian ini merupakan hasil daripada perubahan strategik yang dirancang secara menyeluruh dalam cara LTAT beroperasi dan mengurus pelaburannya untuk jangka masa panjang. "Kami amat berbesar hati dengan prestasi yang terus menunjukkan

peningkatan dari tahun ke tahun dan yakin terhadap kemampanan LTAT pada masa hadapan. Keputusan yang diumumkan hari ini membuktikan bahawa LTAT berada pada kedudukan yang stabil serta bersedia untuk melangkah ke fasa seterusnya dalam pertumbuhan institusi.”

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, LTAT telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuh pengawasan tadbir urus, meningkatkan disiplin pelaburan serta memperkukuh akauntabiliti dalam pengurusan simpanan para pencarum. Langkah-langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha transformasi LTAT secara menyeluruh bagi memastikan ia terus berada pada landasan yang mampan untuk masa hadapan.

GEMPUR30: Memacu Enjin Pertumbuhan Seterusnya

Melangkah ke hadapan, transformasi jangka panjang LTAT akan dipacu melalui GEMPUR30, pelan hala tuju strategik bagi tempoh 2026 hingga 2030, yang menandakan fasa seterusnya dalam usaha transformasi LTAT. Berteraskan asas kukuh yang telah dibina melalui pelan MAMPAN25 serta pelan transformasi pertama LTAT bagi tempoh 2019–2023, GEMPUR30 bertujuan memperkukuh keupayaan LTAT sebagai sebuah dana persaraan yang mampan, berdaya tahan dan berpandangan jauh.

Antara fokus utama pelan ini ialah pengoptimuman serta penyeimbangan semula portfolio pelaburan LTAT secara berterusan, termasuk pelaksanaan pelupusan strategik serta pelaburan semula secara terpilih. Pendekatan ini membolehkan LTAT menyalurkan semula modal dengan lebih cekap ke sektor-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan jangka panjang yang lebih kukuh serta kepentingan strategik.

Halatujua pelaburan LTAT juga selari dengan keutamaan pembangunan nasional Malaysia, khususnya dalam sektor-sektor yang menyumbang kepada ketahanan negara serta pertumbuhan ekonomi. Ini termasuk pelaburan dalam sektor ekosistem pertahanan, hartanah dan industri farmaseutikal, yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh keupayaan strategik negara di samping menjaga nilai ekonomi jangka panjang.

Mohammad Ashraf Md. Radzi berkata, “LTAT kini mempercepatkan transformasi aset strategiknya melalui pelbagai inisiatif korporat yang dirancang secara teliti bagi memperkukuh kemampanan jangka panjang LTAT. Halatujua ini juga selari dengan keutamaan negara, termasuk Dasar Industri Pertahanan Negara ("DIPN"), di mana LTAT berupaya memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menyokong pembangunan ekosistem pertahanan Malaysia.”

“Sebagai sebuah institusi yang unik dan tersendiri, LTAT akan terus menyokong pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* yang diterajui oleh Kementerian Pertahanan dalam memperkukuh ekosistem pertahanan negara. Melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, LTAT turut menyumbang kepada aspirasi pembangunan nasional yang lebih luas, termasuk Kerangka Ekonomi MADANI serta inisiatif kolaboratif seperti Program GEAR-UP.” Tambah beliau.

Memperkukuh Mandat: Menjamin Masa Depan Kewangan Anggota ATM

Sejak pelaksanaan inisiatif celik kewangan dan program libat urus bersama para pencarum sejak tahun 2023, LTAT telah melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara yang melibatkan lebih daripada 52,000 anggota ATM setakat Disember 2025.

Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman kewangan dalam kalangan pencarum, sekali gus membekalkan mereka dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk merancang persaraan dan mengurus masa depan kewangan jangka panjang dengan lebih berkesan.

Turut hadir pada majlis pengumuman tersebut ialah Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali; serta Pengerusi LTAT, Jeneral (B) Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM, bersama para tetamu kehormat yang lain.

Dividen bagi tahun kewangan 2025 akan dikreditkan ke dalam akaun pencarum pada Jumaat, 13 Mac 2026. Para pencarum boleh menyemak penyata masing-masing melalui aplikasi mudah alih MyWIRA atau melayari laman web rasmi LTAT di <http://www.ltat.gov.my>. Aplikasi MyWIRA boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple App Store.

-TAMAT-

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT")

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") serta para veteran. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari www.ltat.gov.my.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah & Ketua

Komunikasi Strategik

Emel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel. : +603- 4815 8888

Aliff Nazrin

Penolong Naib Presiden

Komunikasi Strategik

Emel : aliff@ltat.gov.my

No. Tel. : +603- 4815 8888